

## Aspek Kemahiran Lisan Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Autentik Berasaskan Pendekatan Tematik Sekolah Rendah

*The Oral Skills Aspect of the Malay Language in Authentic Assessment Based on Thematic Approach in Primary Schools*

NORLIZA RAMLAN, WAN MUNA RUZANNA WAN MOHAMMAD & ZAMRI MAHAMOD

### ABSTRAK

*Dalam menguasai kemahiran lisan, aspek kemahiran lisan haruslah diajar dan ditafsir secara langsung bagi meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid. Dalam pentaksiran masa kini, kemahiran lisan haruslah ditafsir melalui pelbagai bentuk pentaksiran melalui pendekatan yang bersesuaian mengikut keperluan murid. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka aspek kemahiran lisan yang ditekankan dalam pentaksiran autentik kemahiran lisan bahasa Melayu di sekolah rendah berasaskan pendekatan tematik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes iaitu satu kes pelbagai lokasi. Lima buah sekolah yang terletak di lima buah negeri iaitu, Sarawak, Perak, Kelantan, Melaka dan Selangor telah dipilih sebagai lokasi kajian. Seramai lima orang guru Bahasa Melayu dari setiap lokasi kajian dipilih sebagai peserta kajian. Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini ialah temu bual sebagai kaedah utama, manakala pemerhatian dan analisis dokumen sebagai kaedah sokongan. Data dianalisis dengan menggunakan perisian NVivo14 secara tematik. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat sepuluh aspek kemahiran lisan yang ditekankan dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik iaitu, sebutan yang jelas, intonasi yang sesuai, tatabahasa yang betul, kosa kata yang luas, kepetahan, ayat yang gramatis dan bermakna, bertatasusila, kesantunan bahasa, gaya penyampaian dan bahasa badan. Aspek-aspek ini ditekankan dalam kemahiran lisan bahasa Melayu bagi memastikan murid boleh bertutur dengan baik, berkesan, bermakna dan bertatasusila. Kesimpulannya, aspek kemahiran lisan ini perlu diajar dan ditafsir secara terus melalui aktiviti pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik bagi memastikan murid menguasai kemahiran lisan dengan baik dan menyeluruh.*

*Kata kunci: Kemahiran lisan; pentaksiran autentik; pendekatan tematik; bahasa Melayu; sekolah rendah*

### ABSTRACT

*To master oral skills, the aspects of oral skills must be taught and directly assessed to enhance students' understanding and proficiency. In current assessments, oral skills should be evaluated through various forms of assessment using approaches that align with the needs of students. Therefore, this study aims to explore the aspects of oral skills emphasized in the authentic assessment of Malay language oral skills in primary schools based on a thematic approach. This study uses a qualitative design with a case study approach, focusing on a multi-site case. Five schools located in five different states, Sarawak, Perak, Kelantan, Melaka, and Selangor, were selected as research sites. Five Malay language teachers from each location were chosen as study participants. Data collection methods for this study include interviews as the primary method, while observations and document analysis serve as supporting methods. Data were analyzed thematically using NVivo14 software. The findings of the study revealed that ten aspects of oral skills are emphasized in authentic assessment based on the thematic approach: clear pronunciation, appropriate intonation, correct grammar, a broad vocabulary, fluency, grammatically correct and meaningful sentences, etiquette, linguistic politeness, delivery style, and body language. These aspects are emphasized in Malay language oral skills to ensure that students can speak effectively, meaningfully, and courteously. In conclusion, these aspects of oral skills need to be taught and directly assessed through authentic assessment activities based on the thematic approach to ensure that students fully and proficiently master oral skills.*

*Keywords: Oral skills; authentic assessment; thematic approach; Malay language; primary school*

## PENGENALAN

Pendidikan merupakan medium utama dalam menyerapkan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid untuk dimanfaatkan pada alam persekolahan mahupun setelah tamat persekolahan. Bagi mencapai matlamat ini, kurikulum sistem pendidikan negara kita telah mengalami pelbagai perubahan bagi memastikan pendidikan negara berada pada landasan yang betul sekali gus mampu melonjakkan pencapaian murid untuk bersaing dalam dunia global kini (Faedah dan Zamri 2023). Bidang pendidikan khususnya di peringkat sekolah telah diberi nafas baru dalam gerakan pembaharuan abad ke-21. Revolusi pendidikan memerlukan usaha yang strategik dan tersusun demi meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalan ke tahap kualiti tinggi dan cemerlang agar dapat menangani cabaran ini. Menurut KPM (2010), tujuan utama yang mendorong reformasi kurikulum adalah untuk menjadikan kurikulum sedia ada menjadi lebih baik, bersifat holistik, relevan dan mampu melahirkan modal insan yang seimbang dalam menangani cabaran masa ini dan masa depan.

Revolusi perubahan ini haruslah disahut sepenuhnya oleh guru sebagai pendidik. Setiap guru perlu bersedia mengubah paradigma dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi mendepani cabaran dunia pendidikan kini. Kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran yang berkesan serta efisien amat diperlukan bagi memastikan proses pembelajaran mencapai matlamat yang diharapkan. Dalam usaha meningkatkan kualiti PdP dan pentaksiran, satu pendekatan yang lebih praktikal serta bersesuaian dengan tahap pencapaian murid yang merangkumi aspek intelek, jasmani, emosi dan rohani haruslah dipilih dan diaplikasikan oleh guru (Nurul Huda dan Anuar 2022). Bahkan, suatu pendekatan yang kreatif dan inovatif dapat membantu guru dalam meningkatkan kemahiran dan potensi murid semaksima yang boleh.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

### KEMAHIRAN LISAN DALAM PENTAKSIRAN

Kemahiran lisan secara umumnya merujuk pada keupayaan seseorang individu atau beberapa orang yang bertutur, berkomunikasi dan berinteraksi bagi menyampaikan idea, pandangan mahupun pendapat. Menurut Ana dan Novia (2020), kemahiran

bertutur adalah satu kemahiran yang produktif komunikasi antara individu dengan menggunakan bahasa. Dengan kata lain, seseorang individu akan mengujarkan sesuatu ketika berinteraksi atau berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa. Oleh demikian, dalam usaha menguasai kemahiran lisan bukanlah semata-mata bertujuan untuk mempelajari bahasa, tetapi untuk mencapai tahap kompetensi dalam berkomunikasi.

Kemahiran lisan yang turut dikenali sebagai kemahiran mendengar dan bertutur dalam berbahasa merupakan kemahiran utama yang harus dikuasai oleh murid khususnya bagi memastikan murid dalam mengikuti sesi pembelajaran di sekolah dengan berkesan (Rozana 2020). Lumrahnya, murid perlu menguasai kemahiran lisan terlebih dahulu berbanding kemahiran bahasa yang lain untuk memudahkan murid berinteraksi dengan orang di sekeliling mereka. Melalui penguasaan kemahiran lisan yang baik, murid dapat berkomunikasi dengan berkesan dalam pelbagai situasi sekali gus dalam meluahkan emosi dan buah fikiran secara lisan (Chew dan Fikri Ismail 2020).

Kemahiran lisan bahasa Melayu sememangnya menjadi antara topik pilihan pengkaji dalam meneroka penguasaan kemahiran berbahasa murid. Menurut Tofan (2019), kebanyakan murid menghadapi masalah dalam menggunakan bahasa terutamanya kemahiran bertutur dalam kehidupan harian. Kelemahan murid dalam menguasai kemahiran lisan ini sebenarnya bertitik tolak pada pengajaran dan pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru di sekolah. Kemahiran lisan ini hakikatnya sering kali diabaikan pengajaran mahu pun pentaksiran terutamanya pada peringkat sekolah rendah kerana guru dikatakan hanya memberi fokus pada kemahiran membaca dan menulis. Walhal dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah Bahasa Melayu telah pun menekankan kemahiran mendengar dan bertutur dengan memberi pemberatan 30 peratus daripada keseluruhan kemahiran bahasa bagi tahap satu mahu pun tahap dua murid sekolah rendah (KPM 2016).

Kemahiran mendengar dan bertutur perlulah diambil peduli penggunaannya oleh guru Bahasa Melayu kerana kemahiran ini merupakan kemahiran utama dalam pembelajaran bahasa (Rozana 2020). Galakan untuk kemahiran bahasa ini sering diabaikan dalam pendidikan (Mohd Farik dan Musirin 2020) khususnya semasa pelaksanaan PdP Bahasa Melayu itu sendiri apatah lagi dalam pentaksiran Bahasa Melayu. Hal ini berikutan terdapat segelintir guru

yang masih ketinggalan dalam usaha memperkasa kemahiran lisan dalam kalangan murid atas faktor seperti integrasi kurikulum yang masih dalam peringkat pembangunan. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran lisan, aktiviti lisan perlu dirancang dan dijadikan sebagai aktiviti rutin dalam pembelajaran (Ahmad Burhanuddin 2021). Sebagai ejen pelaksana, tanggungjawab guru amatlah besar dalam memastikan setiap murid menguasai kemahiran bahasa dengan baik bagi memartabatkan bahasa Melayu. Hal ini sekali gus menjadi penggalak kepada pengkaji untuk memberi fokus kajian ini pada kemahiran lisan yang dilihat dari aspek kemahiran lisan dalam pelaksanaan pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik.

#### PENTAKSIRAN AUTENTIK SEBAGAI PENTAKSIRAN ALTERNATIF

Pentaksiran ialah proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasikan sesuatu maklumat pembelajaran murid (KPM 2019; Mazarul, Noraziman dan Suhaila 2021). Pentaksiran autentik merupakan satu pentaksiran alternatif dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mempelbagaikan kaedah pentaksiran. Hal ini sebagai langkah menyahut cabaran KPM dalam penggantian pentaksiran secara bertulis yang tidak lagi relevan pada masa ini. Pentaksiran autentik ini merupakan pentaksiran yang dilaksanakan oleh murid melalui aktiviti dan tugas yang berkait rapat dengan realiti kehidupan sebenar (Nur Aisyah dan Ahmad Sukari 2020). Dengan kata lain, pentaksiran autentik adalah pentaksiran yang dilaksanakan berdasarkan aktiviti dan tugas secara praktikal atau “*hands-on*” yang memerlukan murid mengaplikasikan pelbagai kemahiran dalam menyelesaikan tugas berkenaan.

Di samping itu, pentaksiran ini juga dikatakan sebagai satu pentaksiran yang lebih realistik, relevan, holistik dan boleh dijalankan secara berterusan. Hal ini bertepatan dengan pendapat Zaharah, Nor Azizah dan Norasyikin (2021), pentaksiran autentik ini sebenarnya satu kaedah pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menguji hasil pembelajaran yang berteraskan pentaksiran bilik darjah. Bahkan aktiviti dan tugas bagi pentaksiran autentik boleh diulang sehingga murid menguasai kemahiran yang ditafsir. Pentaksiran autentik yang dilaksanakan secara berterusan dan berulang kali ini dapat membantu guru untuk mengumpulkan maklumat tentang

perkembangan, kemajuan, kebolehan dan prestasi murid di samping dijadikan sebagai maklum balas tentang kualiti pengajaran guru. Pelaksanaan pentaksiran yang berkesan juga mampu membantu guru untuk mengenal pasti potensi murid untuk dikembangkan ke tahap yang lebih optimum (Faezah dan Zamri 2023).

Oleh yang demikian, dalam memastikan kemahiran lisan dikuasai dengan baik, maka, pentaksiran autentik yang dijalankan secara terus lebih bersifat realistik dalam mentafsir kemahiran lisan murid. Bahkan guru juga boleh menentukan aspek kemahiran lisan yang ingin ditafsir terlebih dahulu sebelum merancang aktiviti dan tugas yang ingin dijalankan sebagai pentaksiran. Pentaksiran autentik yang dijalankan melalui aktiviti dan tugas di dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah mampu memberi fokus pada aspek kemahiran lisan yang ingin dinilai. Oleh itu, pelaksanaan pentaksiran autentik yang dijalankan untuk mentaksir kemahiran lisan bahasa Melayu berasaskan pendekatan tematik haruslah menjadi fokus kajian bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang aspek kemahiran lisan yang ditekankan semasa pentaksiran autentik dijalankan.

#### PENDEKATAN TEMATIK DALAM PENTAKSIRAN

“*Thematic learning is defined as a learning that is designed based on a particular theme*” yang bermaksud bahawa pembelajaran tematik didefinisikan sebagai pembelajaran yang dirancang berdasarkan sesuatu tema yang khusus (Narti, Setyosari, Degeng dan Dwiyoogo 2016). Menurut Sobri dan Ningrum (2015) serta Atmazaki (2013) menyatakan bahawa pendekatan tematik ialah pendekatan pembelajaran yang mengintegrasikan pelbagai kompetensi daripada pelbagai mata pelajaran ke dalam pelbagai tema. Menurut Forgaty (1991) pula, tematik dapat digunakan sebagai panduan kepada guru dalam mengintegrasikan ilmu dan bahan semasa proses PdP. Pernyataan ini selari dengan pendapat Abdul Majid (2014) dan Trianto (2010) yang menjelaskan bahawa tematik dapat mengintegrasikan kemahiran dan pelbagai disiplin ilmu dalam pembelajaran berasaskan pendekatan tematik.

Pendekatan tematik ini disusun dalam bentuk tema yang digabungkan dengan mata pelajaran, topik dan nilai lain bagi memperkenalkan konsep pembelajaran secara menyeluruh kepada murid sekali gus memudahkan pemahaman murid tentang perkaitan isi pelajaran dalam sesuatu

tema yang dipelajari. Pendekatan tematik dalam PdP turut memberi peluang kepada guru untuk melaksanakan kurikulum yang lebih berkesan dan realistik serta membolehkan murid untuk belajar dalam suasana yang lebih bermakna dan berupaya mengaplikasikannya dalam kehidupan dunia sebenar (KPM 2021). Bahkan pengaplikasian pendekatan ini mampu menambah pengetahuan murid dalam menangani kehidupan masa ini dan akan datang melalui satu unit tema kecil yang dapat meliputi pengetahuan konsep yang berkait rapat dengan aspek estetika, kemahiran afektif, kognitif, bahasa, fizikal dan sosial (Rohani, Nani dan Mohd Sharani 2007). Pendekatan ini juga dikatakan dapat menggalakkan murid berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif melalui pengajaran guru yang terancang, bermakna dan menyeronokkan (Kon 2014).

Sebenarnya, pendekatan ini merupakan pendekatan yang telah diaplikasikan dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu sejak dari dulu lagi. Namun begitu, pengaplikasian pendekatan ini hanya terhad melalui pembahagian isi pelajaran mengikut tema yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, bagi memastikan pengaplikasian pendekatan ini lebih menyeluruh, pendekatan ini telah diperhalusi untuk melihat kesesuaian dan keberkesanannya terhadap PdP di dalam bilik darjah pada masa ini. Hal ini jelas dilihat dari tindakan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) yang telah mengeluarkan kenyataan melalui Buletin BPK September-Oktober 2021, tentang pelaksanaan pelaziman pendekatan tematik yang telah dirintis di sekolah-sekolah terpilih pada tahun 2022 (KPM 2021). Setelah melihat keberkesanan dan kejayaan pelaksanaannya di sekolah rintis, pelaziman pendekatan ini telah teruskan pengaplikasiannya di seluruh sekolah dalam Malaysia pada tahun 2023.

Oleh demikian, guru memainkan peranan penting dalam menentukan pendekatan yang berkesan bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan (Mohd Maziz, Saifulazry dan Kasoma 2021). Dalam pemilihan pendekatan dan strategi pengajaran yang terbaik sebenarnya ditentukan oleh guru itu sendiri melalui kemahiran pedagogi yang dikuasainya. Maka, pendekatan tematik merupakan antara pendekatan yang boleh dijadikan pilihan dalam memastikan pengajaran mahu pun pentaksiran yang dijalankan mencapai objektif. Menyedari hakikat tersebut, pemerksaan pentaksiran kemahiran lisan bahasa Melayu melalui pendekatan tematik wajar diberi perhatian bagi memastikan penilaian ilmu serta

kemahiran bahasa dapat dilaksanakan secara efektif dan spesifik.

#### MODEL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (2016)

Model yang menjadi sandaran kajian ini ialah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang dahulunya dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah telah dikenali sebagai PBD pada tahun 2016. Model Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah suatu pendekatan penilaian yang komprehensif dan berterusan. Model ini dirancang untuk menilai pelbagai aspek pembelajaran murid di dalam bilik darjah, termasuk kemahiran kognitif, afektif, dan psikomotor. Berfokuskan kepada pentaksiran formatif, PBD bertujuan untuk memberi maklum balas yang bermakna kepada murid mengenai perkembangan pembelajaran mereka. Model PBD ini juga mendorong guru untuk menggunakan pelbagai teknik pentaksiran seperti pemerhatian, perbincangan, dan kerja projek, yang bukan sahaja membantu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid, tetapi juga memandu langkah-langkah pembelajaran seterusnya. Pelaksanaan PBD yang efektif dan berkesan dapat menyumbang pada suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif. Pada dasarnya, PBD diperkenalkan bagi mengukur perkembangan murid dalam pembelajaran secara berterusan di dalam kelas (Jacob dan Parkinson 2015), bagi mendapatkan maklumat tentang kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid (KPM 2019), dengan mengukur aspek kognitif, afektif dan psikomotor sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Tan dan Husaina 2020). PBD juga telah diperkenalkan dalam Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang menetapkan pelaksanaannya oleh guru sendiri secara terancang mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Oleh yang demikian, KPM menetapkan pelaksanaan PBD adalah satu proses pentaksiran secara berterusan dalam PdP yang dilaksanakan oleh guru sepanjang tahun pembelajaran.

Melalui model Pentaksiran Bilik Darjah ini juga, terdapat pelbagai bentuk pentaksiran alternatif yang telah dicadangkan misalnya pentaksiran autentik. Menurut Suhaida, Norhisham dan Abd Hadi (2022), pentaksiran alternatif merupakan satu pentaksiran dalam pentaksiran bilik darjah yang digunakan untuk menilai kebolehan dan pencapaian murid secara holistik dan autentik. Pentaksiran jenis ini dilaksanakan semasa PdP berlangsung melalui

aktiviti dan tugas yang dijalankan oleh murid. Oleh itu, pentaksiran alternatif yang disarankan dalam model PBD ini dapat dijadikan sebagai sandaran utama kajian dengan mengambil kira pelaksanaan pentaksiran autentik dalam pengoperasian PBD. Pelaksanaan pentaksiran autentik yang diteroka dalam kajian ini sememangnya dipandu oleh pelaksanaan PBD yang telah digariskan oleh pihak KPM. Perkara ini bagi memastikan pentaksiran yang disarankan dalam kajian bertepatan dengan kehendak KPM dan keperluan pendidikan masa ini. Revolusi pendidikan menuntun pentaksiran yang lebih realistik, autentik dan holistik yang meliputi perkembangan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreativiti, kerjasama, dan kemahiran komunikasi. Hal ini sememangnya terkandung dalam PBD yang menyarankan aktiviti dan tugas yang lebih autentik bagi membantu murid mengembangkan kemahiran ini dalam konteks yang relevan.

Lazimnya, terdapat tiga standard yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) iaitu standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi yang menjadi rujukan kepada para guru dalam melaksanakan PBD. Standard kandungan ialah pernyataan tentang perkara yang perlu diketahui dan dikuasai oleh murid merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Manakala standard pembelajaran pula ialah suatu penetapan kriteria pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan tersebut. Bagi kedua-dua standard ini, penerapannya dilakukan oleh guru dalam penulisan RPH serta panduan penetapan objektif pembelajaran yang hendak dijalankan. Setiap sesi PdP yang dijalankan oleh guru haruslah bersandarkan standard kandungan dan standard pembelajaran yang ditetapkan berdasarkan kemahiran bahasa yang menjadi fokus PdP tersebut. Namun, dalam kajian ini, pentaksiran autentik kemahiran lisan bahasa Melayu tidak dinilai melalui standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditetapkan dalam DSKP. Kajian ini memberi fokus pada aspek kemahiran lisan yang lebih spesifik melalui pentaksiran autentik yang dijalankan. Hal ini sekali gus menampakkan pembaharuan yang boleh ditekankan dalam pentaksiran autentik kemahiran lisan dengan melihat aspek kemahiran lisan secara spesifik dan terus. Oleh itu, dengan bersandarkan model Pentaksiran Bilik Darjah ini, dapat membuka ruang kepada pengkaji untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang aspek kemahiran lisan yang

ditekankan dalam pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan berasaskan pendekatan tematik.

## TINJAUAN LITERATUR

Selaras dengan kajian ini yang ingin mengkaji tentang aspek kemahiran lisan bahasa Melayu dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik, terdapat beberapa pengkaji terdahulu telah melaksanakan kajian tentang aspek yang terkandung dalam kemahiran lisan dalam berbahasa misalnya kajian Faedah dan Zamri (2023) yang telah mendapati aspek tatabahasa serta tatasusila diberi perhatian dalam kemahiran lisan murid. Hal ini bagi memastikan murid memahami konsep tatabahasa walaupun secara lisan dan turut menitikberatkan sikap murid semasa proses pentaksiran lisan khususnya. Bahkan, Brown (2020) turut menyatakan bahawa tatabahasa dan kosa kata yang betul boleh diperolehi melalui interaksi autentik seharian yang dilakukan oleh murid.

Di samping itu, Nor Zulaiqha, Nur Farahkhanna, Norfaizah dan Norazimah (2021) pula ada menyatakan bahawa aspek sebutan amat penting untuk dikuasai dalam kemahiran lisan bahasa Melayu. Menurut Thompson (2018), aktiviti yang melibatkan perbualan dalam penguasaan kemahiran lisan akan membantu meningkatkan sebutan dan intonasi murid ketika bercakap. Pentaksiran dan pembelajaran secara langsung misalnya mendengar audio dan meniru perbualan bagi mengenal pasti sebutan dan intonasi turut membantu dalam meningkatkan penguasaan sebutan dan intonasi kemahiran lisan murid (Wang, Rahayu dan Leong 2022). Aspek sebutan dan intonasi ini sememangnya boleh dipelajari dan dikuasai secara terus dan pembelajaran langsung.

Bukan itu sahaja, jika dilihat pada kajian Johnson (2018) turut menyatakan bahawa aspek kefasihan dan kelancaran perlu didedahkan kepada murid dalam interaksi kehidupan sebenar. Hal ini turut dipersetujui oleh Brown (2004) yang menyatakan bahawa aspek ketepatan dan kelancaran pertuturan merupakan dua elemen umum dalam menilai percakapan seseorang. Kajian Lee, Park dan Kim (2020) pula memberi penekanan pada aspek tatasusila dalam kemahiran lisan. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah menyatakan bahawa pendedahan yang melibatkan pelbagai situasi amat penting bagi menyediakan murid yang bertatasusila untuk mendepani pelbagai situasi berkenaan. Hal ini adalah selari dengan kajian yang melihat aspek

kemahiran lisan melalui aktiviti autentik yang dilaksanakan dalam pelbagai bentuk dan situasi.

Seterusnya, kajian Siti Salwa (2017) yang menyatakan bahawa terdapat empat aspek utama kemahiran lisan iaitu aspek suara, bahasa, kandungan dan kefahaman. Bagi aspek suara, ia lebih menjurus pada elemen sebutan dan kelancaran, aspek bahasa melibatkan kosa kata, morfologi dan sintaksis, aspek kandungan melibatkan hasil pemikiran dan aspek kefahaman pula adalah memahami apa yang ditutur dan didengar. Manakala dalam kajian Sonia dan Abdelkader (2016) pula menyatakan bahawa nada, intonasi dan tekanan suara merupakan aspek pertuturan yang dititikberatkan bagi memastikan pertuturan tersebut baik dan berkesan. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa dalam menguasai kemahiran lisan, aspek-aspek kemahiran lisan perlu diberi perhatian bagi memastikan penyampaian lisan tersebut berkesan dan bermakna.

Justeru, berdasarkan dapatan kajian lepas, jelas menunjukkan aspek kemahiran lisan bahasa Melayu merupakan satu kemahiran bahasa yang harus diberi perhatian. Kajian lepas turut menunjukkan bawa aspek kemahiran lisan telah dikaji dalam pelbagai situasi pertuturan lisan walaupun hanya menekankan aspek tertentu sahaja dalam satu-satu kajian. Bahkan, kajian lepas juga menunjukkan bahawa kajian mengenai aspek kemahiran lisan dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik secara khusus masih belum dijalankan. Hal ini menyebabkan pengkaji berasa satu kajian mengenai aspek kemahiran lisan bahasa Melayu dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik harus dilaksanakan untuk meneroka dengan lebih spesifik aspek kemahiran lisan tersebut.

#### PENYATAAN MASALAH

Kemahiran lisan yang terbahagi kepada dua kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur yang acap kali dipandang ringan di peringkat sekolah walhal kedua-dua kemahiran asas ini sangat penting untuk dikuasai oleh murid. Kemahiran lisan dikatakan kemahiran sekunder yang tidak penting untuk dipelajari secara langsung sehingga menyebabkan guru lebih cenderung melaksanakan pengajaran dan pentaksiran kemahiran bahasa lain berbanding kemahiran lisan (Darayani dan Wan Muna 2023). Menurut Siti Salwa, Nurasyikin dan Nurazan (2021), tahap penguasaan kemahiran lisan dalam sesuatu bahasa sering menjadi persoalan dan jarang dinilai oleh guru di dalam bilik darjah.

Tambah mereka lagi, penilaian untuk kemahiran lisan juga sering diabaikan dan tidak dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Hal ini turut dilaporkan oleh Elfia, Ritawati, Rahmatinda dan Ari (2019) yang mendapati proses pentaksiran kemahiran lisan belum dilaksanakan secara optimum oleh guru.

Menurut KPM (2019) dalam Pentaksiran Bilik Darjah, pentaksiran kemahiran lisan dinilai berdasarkan standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah digariskan oleh pihak KPM. Hal ini menyebabkan pentaksiran kemahiran lisan hanya melihat pada kemahiran dan potensi murid dalam bertutur tanpa menitikberatkan aspek kemahiran lisan secara terus. Hal ini turut menjadi masalah kerana guru dikatakan mengalami kesukaran dalam menyediakan aktiviti mendengar dan bertutur untuk pengajaran kemahiran lisan (Mohd Farik dan Musirin 2020) sehingga menyebabkan guru turut sukar membuat pentaksiran bagi kemahiran ini (Elfia et al. 2019). Pentaksiran kemahiran lisan yang dilaksanakan oleh guru lebih pada aktiviti lisan yang telah digariskan dalam DSKP tanpa memberi pemberatan pada aktiviti yang menekankan aspek kemahiran lisan secara spesifik.

Oleh demikian, pengkaji menyifatkan bahawa aspek kemahiran lisan harus diberi penekanan bagi menyeimbangi penguasaan kemahiran lisan murid sekali gus memastikan aspek kemahiran lisan tidak diabaikan dalam aktiviti-aktiviti lisan. Bahkan hal ini turut memastikan guru tidak hanya membuat pentaksiran ke atas murid berdasarkan satu set pengujian sahaja, sebaliknya perlu mempelbagaikan bentuk pentaksiran untuk melihat perkembangan penguasaan kemahiran bahasa murid dengan lebih tepat dan menyeluruh (Hariatul, Mohd Nazri dan Muhammad Azhar 2021). Oleh itu, pelaksanaan pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik sebagai pentaksiran alternatif bagi mentaksir kemahiran lisan murid dengan memberi penekanan menjurus pada aspek kemahiran lisan secara spesifik adalah satu pelaksanaan pentaksiran yang mampu mentaksir penguasaan kemahiran lisan murid secara menyeluruh dan lebih terperinci. Justeru, berdasarkan permasalahan berikut, pengkaji terdorong untuk melaksanakan kajian mengenai aspek kemahiran lisan yang ditekankan dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik.

#### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi meneroka aspek kemahiran lisan yang ditekankan dalam pentaksiran

autentik berasaskan pendekatan tematik sekolah rendah. Melalui hasil kajian ini, kita dapat melihat beberapa aspek kemahiran lisan yang tekankan dalam pelaksanaan pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik di sekolah rendah dengan lebih spesifik dan terperinci. Oleh itu, secara khusus, kajian ini dijalankan bagi mencapai satu objektif kajian iaitu:

1. Meneroka aspek kemahiran lisan bahasa Melayu di sekolah rendah yang ditekankan dalam pelaksanaan pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini adalah satu kajian kes yang melibatkan pelbagai lokasi. Kaedah kajian kes dipilih bagi membantu pengkaji untuk memperoleh gambaran yang lebih jelas mengenai pelaksanaan pentaksiran autentik yang dilaksanakan dengan menekankan aspek kemahiran lisan yang lebih spesifik. Bagi mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai aspek kemahiran lisan dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik, maka tiga kaedah pengumpulan data dikenal pasti. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Lokasi kajian diadakan di lima buah sekolah rendah terpilih yang terletak di Selangor, Melaka, Kelantan, Perak dan Sarawak. Pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan senarai sekolah rintis dan sekolah *showcase* pendekatan tematik yang telah dijalankan oleh pihak KPM.

Manakala, setiap seorang guru Bahasa Melayu dari setiap sekolah berkenaan dipilih sebagai peserta kajian melalui teknik pensampelan bertujuan. Peserta kajian dipilih berdasarkan komitmen dan penglibatan aktif mereka dalam pelaksanaan pentaksiran autentik serta pengaplikasian pendekatan tematik dalam pengajaran Bahasa Melayu. Seterusnya, tiga instrumen yang digunakan, adalah protokol temu bual, senarai semakan pemerhatian dan senarai semak analisis dokumen. Pemerhatian dijalankan dengan melihat pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan yang dilaksanakan oleh guru secara langsung, manakala, analisis dokumen pula dijalankan dengan menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH), Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Bagi menganalisis data dengan lebih mudah dan bersistematik, aplikasi Nvivo14 telah dipilih. Data dianalisis secara tematik dan terperinci sekali gus dapat menggambarkan dengan jelas fenomena yang dikaji oleh pengkaji.

## DAPATAN

### LATAR BELAKANG PESERTA KAJIAN

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai lima orang guru Bahasa Melayu yang dipilih secara pensampelan bertujuan (Patton 2002) bagi meneroka aspek kemahiran lisan yang ditekankan dalam pentaksiran autentik kemahiran lisan bahasa Melayu berasaskan pendekatan tematik. Latar belakang peserta kajian yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Latar belakang peserta kajian

Peserta kajian	Negeri	Sekolah	Jantina	Umur (tahun)	Kelulusan akademik	Opsyen	Pengalaman mengajar (tahun)
GBM1	Sarawak	SR1	P	53	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	31
GBM2	Perak	SR2	P	38	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	13
GBM3	Kelantan	SR3	P	45	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	22
GBM4	Melaka	SR4	L	54	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	27
GBM5	Selangor	SR5	P	46	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	13

Jadual 1 menunjukkan profil bagi lima orang peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini. Setiap peserta kajian mewakili setiap sekolah yang terletak di lima buah negeri dalam Malaysia iaitu Sarawak, Perak, Kelantan, Melaka dan Selangor. Seorang daripada peserta kajian merupakan guru lelaki dan

empat daripada mereka merupakan guru perempuan yang berumur dalam lingkungan 38 tahun hingga 54 tahun. Kesemua peserta kajian memiliki Ijazah Sarjana Muda dan mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun dan ke atas. Kesemua lima orang peserta kajian merupakan guru opsyen

Bahasa Melayu. Sesungguhnya, latar belakang peserta kajian yang pelbagai ini dapat memperkaya maklumat agar lebih jelas dan terperinci bagi mencapai objektif kajian.

#### ASPEK KEMAHIRAN LISAN DALAM PENTAKSIRAN AUTENTIK BERASASKAN PENDEKATAN TEMATIK

Dalam kemahiran lisan, beberapa aspek kemahiran lisan yang harus diketahui dan dititikberatkan bagi memastikan kelancaran penyampaian lisan tersebut.

Dari sudut penguasaan kemahiran lisan, aspek lisan seharusnya diajar secara langsung kepada murid bagi memastikan murid memahami dan menguasai kemahiran lisan sepenuhnya. Oleh yang demikian, aspek kemahiran harus diperincikan setiap satunya untuk memastikan aspek-aspek tersebut tidak keciciran penekanannya dalam pembelajaran kemahiran lisan. Dapatan kajian menerusi dapatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen mendapati beberapa aspek kemahiran lisan yang ditekankan dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik.

JADUAL 2. Aspek kemahiran lisan

Bil.	Aspek Kemahiran Lisan	Data Temu Bual					Jum.	Data Sokongan	
		GBM1	GBM2	GBM3	GBM4	GBM5		Pemerhatian	Analisis dokumen
i.	Sebutan yang jelas	/	/	/	/	/	5	/	/
ii.	Intonasi yang sesuai	/	-	/	/	/	4	/	/
iii.	Tatabahasa yang betul	/	/	-	/	/	4	/	/
iv.	Kosa kata yang luas	/	/	/	/	/	5	/	/
v.	Kepetahan	/	/	/	/	/	5	/	-
vi.	Ayat gramatis dan bermakna	-	/	/	/	/	4	/	/
vii.	Bertatasusila	-	/	/	/	/	4	/	-
viii.	Kesantunan bahasa	/	/	/	/	-	4	/	-
ix.	Gaya penyampaian	/	-	/	/	/	4	/	-
x.	Bahasa badan	-	/	/	/	-	3	/	-

Berdasarkan Jadual 2, beberapa aspek kemahiran lisan telah diutarakan oleh peserta kajian. Bagi memperoleh gambaran dan pemahaman yang lebih tepat dan jelas, pengkaji menghuraikan aspek tersebut dengan lebih terperinci berdasarkan dapatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang diperoleh.

#### Sebutan yang Jelas

Dalam pentaksiran kemahiran lisan, sebutan yang jelas amat penting untuk memastikan murid berjaya menyebut sesuatu perkataan dengan betul dan jelas. Menurut dapatan kajian, kesemua peserta kajian menyatakan bahawa aspek sebutan dalam kemahiran lisan dinilai melalui sebutan yang jelas, boleh didengar, tidak pelat dan sebutan yang boleh difahami. Selain itu, sebutan yang standard itu juga dinilai dalam aspek sebutan. Contoh petikan temu

bual peserta kajian disertakan bagi menggambarkan dengan jelas dapatan ini.

“Kita tengok lah sebutan murid tu jelas atau tidak, betul atau tidak contoh sebut perkataan “bermain bola”, ada murid yang sebut “bemain”, bunyi huruf R nya hilang sebab terikut bahasa kampung. Dialek Sarawak kan tak ada bunyi huruf R.. jadi kita tengoklah sama ada murid tu sebut dengan sebutan yang standard atau tidak.”

(TB/GBM1:233-236)

Catatan pemerhatian yang diperoleh di lokasi kajian menunjukkan aspek sebutan ditekankan oleh peserta kajian dalam sesi pentaksiran autentik kemahiran lisan.

Catatan pemerhatian: GBM2 memberi peringatan kepada murid untuk menyebut perkataan dan ayat dengan sebutan yang standard dan jelas misalnya perkataan “tidur” bukan “tido”.

(P11/SR2/GBM2)



Tringulasi data bagi dapatan ini dapat dilihat dari analisis dokumen yang telah dibuat. Data analisis dokumen terhadap AD/DSKPBM/T1, AD/DSKPBM/T2, AD/DSKBM/T3, AD/DSKPBM/T4, AD/DSKPBM/T5 dan AD/DSKPBM/T6 menunjukkan terdapat catatan aspek sebutan pada dokumen berkenaan iaitu sebutan perlu diajar pada murid bagi memastikan murid dapat menyebut sesuatu perkataan dengan sebutan yang betul, baku dan standard bahasa Melayu. Catatan ini menunjukkan bahawa aspek sebutan ini penting dan harus ditekankan dalam pentaksiran secara terus bagi melihat penguasaan murid dalam kemahiran lisan.

#### Intonasi yang Sesuai

Aspek intonasi merangkumi tekanan suara semasa berinteraksi. Peserta kajian GBM1, GBM3, GBM4 dan GBM5 menyatakan bahawa intonasi diajar pada murid apabila aktiviti autentik bahasa berbeza-beza diadakan misalnya mendeklamasikan sajak, berpantun, melafazkan syair, bersyairan, lakonan mahu pun aktiviti menyanyi. Tambah peserta kajian juga, intonasi dalam lisan berbeza mengikut situasi yang berbeza. Berikut contoh petikan temu bual peserta kajian yang memberi gambaran jelas tentang dapatan ini.

“Intonasi ni bergantung pada bahan juga misalnya, bahan pantun, jadi intonasi murid itu berpantun, bersajak, bersyair, intonasi lakonan babak sedih tak sama dengan intonasi babak gembira kan. Jadi di situ kita lihat sama ada murid itu boleh menggunakan intonasi yang betul dan sesuai mengikut konteks yang dikehendaki lah.”

(TB/GBM5:250-254)

Dapatan temu bual ini sememangnya jelas disokong melalui dapatan pemerhatian yang menunjukkan dapatan aspek intonasi diajar secara terus kepada murid semasa melakukan aktiviti autentik di dalam kelas. Catatan pemerhatian berikut merupakan contoh catatan pemerhatian bagi penekanan aspek intonasi dalam kemahiran lisan.

Catatan pemerhatian: GBM3 menekankan aspek intonasi yang sesuai dalam berpantun dan menunjukkan kepada murid intonasi pantun yang betul.

(P15/SR3/GBM3)

Di samping itu, analisis data turut dibuat menerusi dokumen AD/DSKPNM/T1, AD/DSKPBM/T2, AD/DSKPBM/T3, AD/DSKPBM/T4, AD/DSKPBM/T5 dan AD/DSKPBM/T6. Kesemua dokumen ini ada mencatatkan bahawa aspek intonasi perlu diajar bagi memastikan murid dapat membuat perbezaan

pelbagai intonasi bagi menyampaikan maksud dengan tepat.

#### Tatabahasa yang Betul

Tatabahasa adalah sesuatu yang berkaitan dengan pembentukan perkataan dan pembinaan ayat. Dapatan mengenai perkara ini dijelaskan dalam temu bual peserta kajian GBM1, GBM2, GBM4 dan GBM5. Peserta kajian menyatakan bahawa dalam pentaksiran kemahiran lisan, tatabahasa ditekankan pada aspek perkataan yang digunakan oleh murid sama ada menepati sistem tatabahasa atau sebaliknya misalnya penggunaan imbuhan. Contoh mengenai dapatan kajian ini dapat dipetik daripada petikan temu bual berikut.

“...tatabahasa dia tu betul tak betul, penggunaan imbuhan, contoh imbuhan tu paling banyak salah penggunaan dalam murid tu bercakap.”

(TB/GBM5:286-288)

Melalui pemerhatian yang telah dibuat oleh pengkaji di lokasi kajian, sesi PdP yang dijalankan oleh peserta kajian menampakkan tindakan peserta kajian membetulkan penggunaan tatabahasa yang salah semasa melaksanakan aktiviti autentik kemahiran lisan. Bahkan semasa PdP juga, peserta kajian memberi penekanan pada aspek tatabahasa yang betul kepada murid supaya murid lebih peka dalam menggunakan sesuatu perkataan.

Catatan pemerhatian: GBM2 menekankan aspek kata adjektif dalam PdP. GBM3 mengingatkan murid untuk menggunakan kata adjektif yang betul terutama apabila menggunakan kata penguat dalam kata adjektif dengan memberi contoh penggunaan yang salah misalnya “terpaling cantik”.

(P11/SR2/GBM2)

Dapatan analisis dokumen juga dapat menyokong dapatan ini melalui analisis dokumen DSKP Bahasa Melayu dari Tahun 1 hingga Tahun 6 sememangnya dengan jelas ada mencatat mengenai aspek tatabahasa. Misalnya dokumen AD/DSKPBM/T3 ada mencatat aspek tatabahasa perlu diajar melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan. Bahkan melalui analisis RPH dan RPT turut menekankan aspek tatabahasa dalam pengajaran misalnya AD/RPH4/GBM2 yang mencatat “Tatabahasa: Kata Adjektif”. Hakikatnya, aspek ini perlu diajar kepada murid secara langsung melalui aktiviti autentik agar murid memahami dan dapat menggunakan tatabahasa yang betul dalam pelbagai konteks lisan.

### Kosa Kata Yang Luas

Kosa kata adalah perbendaharaan kata yang perlu dikuasai oleh murid. Melalui dapatan temu bual yang diperoleh, kesemua peserta kajian menyatakan bahawa kosa kata yang luas bila mana murid menggunakan pelbagai perkataan lain dalam konteks yang sama. Pengaplikasian pendekatan tematik dikatakan membantu murid menggunakan kosa kata yang berkaitan dengan tema secara berfokus. Dapatan ini dapat diungkap dalam contoh petikan temu bual peserta kajian berikut.

“Kalau murid tu ada kosa kata yang luas, dia akan guna perkataan yang gramatis. Contoh kalau dia cakap, “melihat”, tapi kalau murid yang memang kosa kata dia luas, dia tidak akan cakap melihat, tapi dia akan cakap “memerhati”, dia akan cakap “memandang”, dia akan cakap “memantau”. Dia juga takkan cakap semua benda “memasak”, dia akan cakap “menjerang air”, dia akan cakap “menggoreng”, “mengkukus”. Itu adalah salah satu menunjukkan murid itu ada kosa kata yang luas.”

(TB/GBM3:270-275)

Dapatan ini dapat dikukuhkan lagi dengan dapatan pemerhatian yang menggambarkan dengan jelas guru menekankan beberapa kosa kata semasa aktiviti autentik berasaskan pendekatan tematik yang dilaksanakan. Peserta kajian turut membincangkan secara langsung penggunaan kosa kata berkenaan dalam ayat yang dituturkan oleh murid. Contoh catatan pemerhatian berikut menunjukkan penekanan aspek kosa kata semasa aktiviti autentik kemahiran lisan dijalankan di dalam kelas.

Catatan pemerhatian: GBM3 menyebut beberapa kosa kata seperti oksigen, karbon dioksida, flora, fauna dan lain-lain dengan menyatakan maksudnya sekali. GBM3 mengaitkan kosa kata berkenaan dengan perihal Sains yang berkaitan.

(P19/SR4/GBM3)

Analisis dokumen terhadap DSKP Bahasa Melayu dari Tahun 1 hingga Tahun 6 turut mendapati aspek kosa kata ada dicatat. Misalnya AD/DSKPBM/T4 ada mencatat penguasaan aspek kosa kata harus dikembangkan agar murid mengungkap maklumat dengan baik selaras pembelajaran di peringkat sekolah rendah. Di samping itu, analisis pada dokumen RPH seperti AD/RPH16/GBM5 yang telah disediakan oleh GBM5 ada mencatat “Konsep atau Perbendaharaan Kata Utama: Kosa kata songket, warisan, istana”. Hal ini jelas menunjukkan bahawa beberapa kosa kata ditekankan dalam aktiviti autentik berasaskan pendekatan tematik tersebut.

### Kepetahan

Dalam interaksi lisan, kepetahan adalah satu aspek yang menampakkan pertuturan seseorang itu lebih berkesan dan baik. Kepetahan dalam kemahiran lisan adalah kelancaran dalam pertuturan. Kesemua peserta kajian ada menyatakan bahawa kepetahan murid dalam bertutur dilihat melalui kelancaran tanpa gangguan mahupun sekatan semasa bercakap. Dengan kata lain, peserta kajian menilai murid yang menguasai aspek kefasihan dan kelancaran ini melalui pertuturan yang lancar tanpa tersekat-sekat. Petikan temu bual berikut menjelaskan tentang dapatan kajian ini.

“Murid akan dinilai melalui kelancaran penyampaian mereka tanpa tersekat-sekat.”

(TB/GBM5:209-210)

Semasa sesi PdP dijalankan, peserta kajian didapati menekankan aspek kelancaran dan kepetahan ini kepada murid. Peserta kajian juga menunjukkan contoh kepada murid pertuturan yang tidak lancar dan tersekat-sekat.

Catatan pemerhatian: GBM3 menegaskan kepada murid untuk bertutur dengan lancar tanpa tersekat-sekat seperti “argghh... argghh...”. GBM3 menunjukkan contoh pertuturan yang tersekat-sekat.

(P27/SR3/GBM3)

### Ayat Gramatis dan Bermakna

Ayat yang mempunyai struktur yang baik dikatakan ayat yang gramatis. Gramatis di sini membawa maksud ayat yang terbentuk mengikut prinsip nahu dan tatabahasa. Peserta kajian GBM2, GBM3, GBM4 dan GBM5 ada menyatakan bahawa aspek struktur ayat yang gramatis dalam pentaksiran kemahiran lisan murid dinilai dari ayat lengkap yang digunakan oleh murid. Selain itu, peserta kajian juga memberi penekanan pada laras bahasa dan bahasa standard yang digunakan oleh murid dalam membentuk ayat yang gramatis.

“Misalnya lakonan, jadi cara dia menyampaikan, cara dia menyusun ayat, cara dia memberi respons terhadap soalan, dia jawab dengan ayat yang penuh, ayat yang lengkap.”

(TB/GBM4:156-159)

Melalui pemerhatian yang dibuat, peserta kajian didapati menekankan aspek ini dengan memberi

peringatan kepada murid untuk menggunakan susunan ayat tunggal dan ayat biasa. Tambah peserta kajian juga, penggunaan ayat yang panjang tetapi salah struktur ayatnya menampakkan ayat tersebut tidak gramatis dan berkemungkinan membawa maksud yang salah.

Catatan pemerhatian: GBM3 mengingatkan murid bahawa penggunaan ayat tunggal yang ringkas lebih baik berbanding memberi penerangan yang panjang tetapi salah penggunaan struktur ayat.

(P27/SR3/GBM3)

Selain itu, peserta kajian juga mengingatkan murid untuk memahami maksud peribahasa jika ingin menggunakan peribahasa dalam ayat yang dituturkan. Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan, bidalan dan lain-lain yang mempunyai maksud tersirat.

Catatan pemerhatian: GBM5 mengingatkan murid untuk menuturkan sesuatu yang mudah difahami dan membawa maksud misalnya "Lembu makan air susu" ayat yang tidak membawa makna.

(P29/SR5/GBM5)

Dapatan kajian ini dapat ditrangulasikan dengan dapatan analisis dokumen yang telah dibuat oleh pengkaji ke atas dokumen DSKP Bahasa Melayu Tahun 1 hingga Tahun 6. Misalnya dokumen AD/DSKBM/T5 ada mencatat tentang pembentukan ayat melalui unsur utama ayat iaitu kata, frasa dan klausa, ragam ayat, jenis ayat, susunan ayat, binaan ayat serta ayat terbitan. Catatan pada dokumen DSKP ini juga menunjukkan aspek struktur ayat merupakan aspek penting dalam menguasai kemahiran berbahasa bahasa Melayu.

#### Bertatasusila

Bertatasusila sering dikaitkan dengan tatatertib, adab dan tingkah laku yang ditunjukkan murid semasa berinteraksi secara lisan dengan orang lain. Murid yang bertatasusila akan menjaga adab semasa berinteraksi dengan orang di sekeliling. Menurut peserta kajian GBM2, GBM3, GBM4 dan GBM5, murid yang mempunyai adab sopan akan menunjukkan perilaku yang baik bila berinteraksi dengan orang lain misalnya tidak menyampuk ketika orang lain sedang bercakap.

"Sebab bertatasusila ini lebih pada perilaku murid, adab murid bila bercakap dengan seseorang."

(TB/GBM4:272-273)

Beberapa sesi PdP yang dijalankan oleh peserta kajian menunjukkan peserta kajian memberi penekanan pada aspek bertatasusila dengan memberi peringatan kepada murid untuk menjaga adab dan bersopan santun apabila berinteraksi dengan orang lain.

Catatan pemerhatian: GBM3 mengingati murid untuk beradab sopan dan menjaga disiplin ketika sesi soal jawab misalnya mengangkat tangan ketika ingin menjawab soalan dan tidak berebut-rebut untuk menjawab soalan yang dikemukakan.

(P16/SR3/GBM3)

Catatan pemerhatian: GBM5 mengingatkan murid untuk menghormati pendapat dan idea rakan lain serta menjaga adab semasa menjalankan tugas berkumpulan.

(P25/SR5/GBM5)

Tringulasi bagi dapatan ini sangat jelas apabila analisis dokumen mendapati aspek bertatasusila merupakan aspek yang sangat penting dan dicatat dalam dokumen seperti DSKP Bahasa Melayu dan PBD bagi setiap tahun. Sebagai contoh dalam dokumen AD/DSKPBM/T2, dalam standard prestasi yang telah digariskan dalam DSKP berkenaan, setiap tahap penguasaan murid disertakan dengan aspek bertatasusila. Begitu juga dengan dokumen AD/PBDBM/T6 misalnya, yang mencatat aspek bertatasusila pada setiap pencapaian dan penguasaan murid. Hal ini membuktikan bahawa aspek bertatasusila ini amat penting dalam kemahiran berbahasa khususnya kemahiran lisan. Aspek bertatasusila ini mampu menggambarkan perilaku dan budi pekerti yang dimiliki oleh murid terutama semasa berinteraksi dengan orang sekeliling.

#### Kesantunan Bahasa

Bahasa yang digunakan dalam bertutur juga menjurus pada kesopanan dan kesusilaan tersebut. Menurut peserta kajian GBM1, GBM2, GBM3 dan GBM4 ada menyatakan bahawa kesantunan bahasa dalam pertuturan juga menunjukkan murid tersebut bertatasusila. Penggunaan ayat yang lengkap dan kata panggilan yang sesuai semasa berinteraksi juga menunjukkan kesopanan dan kesusilaan murid dalam berinteraksi sama ada dengan guru mahu pun rakan.

"Bahasa yang digunakan mestilah positif, misalnya guna gelaran ketika bercakap. Tu menunjukkan tanda hormat, menunjukkan murid itu menjaga tatasusila semasa dia bercakap. Penggunaan beliau, cikgu, saya, aku, mainkan peranan lah, penggunaan bahasa itu sendiri menunjukkan bertatasusila semasa bercakap."

(TB/GBM4:253-256)

Hasil dapatan pemerhatian juga menunjukkan aspek kesantunan bahasa turut memainkan peranan dalam kesopanan dan kesusilaan murid semasa bertutur. Catatan pemerhatian terhadap GBM2 (P11/SR2/GBM2) membuktikan peserta kajian menitikberatkan aspek ini secara langsung semasa sesi PdP dijalankan.

Catatan pemerhatian: GBM2 membetulkan ayat yang digunakan oleh murid semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh cikgu. GBM2 mendapati ayat yang digunakan oleh murid tersebut tidak lengkap. GBM2 memberi contoh penggunaan ayat yang lengkap iaitu, "Pada pendapat saya,....."

(P11/SR2/GBM2)

#### Gaya Penyampaian

Dalam menilai aspek bertatasusila dan gaya kemahiran lisan, gaya penyampaian turut menjadi perhatian semasa membuat taksiran tahap penguasaan murid. Gaya penyampaian yang diperkatakan oleh peserta kajian GBM1, GBM3 dan GBM5 semasa sesi temu bual adalah menjurus kepada gaya murid semasa menyampaikan maklumat semasa berinteraksi.

"Bagi aspek bertatasusila, ia lebih menjurus kepada gaya penyampaian murid.... gaya semasa menyampaikan sesuatu maklumat dalam menunjukkan sama ada murid itu bertatasusila atau tidak dalam bercakap."

(TB/GBM3:218-221)

Pemerhatian menunjukkan peserta kajian mengingatkan murid untuk membuat gaya persembahan yang menarik dan berkaitan dengan persembahan yang dipersembahkan misalnya persembahan sajak, syair, nyanyian bahkan persembahan lakonan.

Catatan pemerhatian: GBM4 menekankan aspek gaya penyampaian yang menarik semasa melagukan syair. Selain itu, GBM4 mengingatkan murid untuk memukul kompang dengan betul dan gaya yang menarik.

(P21/SR4/GBM4)

Hal ini juga dapat dilihat melalui translasi data daripada analisis dokumen RPH yang telah dibuat misalnya AD/RPH12/GBM4 yang ada mencatat "Murid membuat persembahan syair di hadapan kelas dengan kreatif" pada bahagian aktiviti menunjukkan bahawa penekanan gaya penyampaian yang kreatif dan menarik dititikberatkan.

#### Bahasa Badan

Bahasa badan melihat pada aspek pergerakan badan. Dalam sesi temu bual, peserta kajian GBM2, GBM3 dan GBM4 ada menyatakan bahawa bahasa badan murid dinilai melalui pergerakan badan yang ditunjukkan murid semasa menjalani aktiviti autentik kemahiran lisan.

"Kalau tatasusila lebih pada perilaku murid, adab murid itu. Kita tengok pada bahasa badan yang murid tunjukkan."

(TB/GBM2:225-226)

Pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji turut mendapati peserta kajian menitikberatkan bahasa badan semasa murid melaksanakan aktiviti. Misalnya dapatan pemerhatian terhadap GBM2 (P9/SR2/GBM2) yang menunjukkan peserta kajian mengajar dan membimbing murid untuk membuat mimik muka yang betul mengikut situasi.

Catatan pemerhatian: GBM2 meminta murid untuk meniru mimik muka yang ditayangkan pada gambar di hadapan kelas. GBM2 menunjukkan mimik muka yang betul mengikut situasi.

(P9/SR2/GBM2)

Pada hakikatnya, bahasa badan ini jarang sekali dicatat penguasaannya. Hal ini berikutan aspek ini sukar untuk digambarkan kerana setiap individu mempunyai gaya dan bahasa badan yang berbeza. Oleh yang demikian, bagi menilai aspek bahasa badan yang ditunjukkan oleh murid dalam kemahiran lisan, pertimbangan guru memainkan peranan penting. Guru sememangnya menjadi instrumen utama dalam mentaksir aspek bahasa badan dalam penguasaan kemahiran lisan.

#### PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, terdapat sepuluh aspek kemahiran lisan bahasa Melayu yang ditekankan dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik sekolah rendah. Sepuluh aspek berkenaan adalah aspek sebutan yang jelas, intonasi yang sesuai, tatabahasa yang betul, kosa kata yang luas, kepetahan, ayat yang gramatis dan bermakna, bertatasusila, kesantunan bahasa, gaya penyampaian dan bahasa badan. Dapatan ini turut selari dengan beberapa dapatan yang turut menegenahkan beberapa aspek kemahiran lisan berkenaan misalnya kajian Wang et al. (2022), Nor Zulaiqha et al. (2021), Brown (2020) dan Kim et al. (2020).

Kajian lepas juga menyatakan bahawa aspek kemahiran lisan ini perlu didedahkan kepada murid secara langsung dalam komunikasi sebenar. Hal ini senada dengan dapatan kajian apabila pelaksanaan pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik yang menyediakan aktiviti amali dilaksanakan bagi mentaksir aspek kemahiran lisan tersebut.

Pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik yang menyediakan murid dengan aktiviti berbentuk praktikal dan berfokus menjadikan pembelajaran murid lebih bermakna dan efektif. Aspek-aspek ini dinilai semasa murid melaksanakan aktiviti autentik seperti aktiviti bercerita, main peranan, pembentangan, didik hibur, permainan bahasa dan sebagainya. Aktiviti autentik ini dijalankan sebagai aktiviti pentaksiran autentik yang lazimnya bertujuan untuk mentaksir penguasaan murid dalam konteks kemahiran lisan dalam situasi realiti kehidupan sebenar melalui tema yang diketengahkan. Oleh yang demikian, semasa murid melaksanakan aktiviti autentik ini, aspek kemahiran lisan dapat ditekankan secara langsung. Jika dilihat dari sudut pentaksiran autentik yang menekankan aspek kemahiran lisan ini, ia jelas menunjukkan pentaksiran kemahiran lisan ini dilaksanakan dari sudut yang berbeza. Memandangkan PBD menekankan pentaksiran kemahiran lisan melalui standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah digariskan dalam DSKP (KPM 2019), maka dapatan kajian ini menunjukkan suatu sudut pentaksiran kemahiran lisan yang berbeza daripada PBD.

Seterusnya, dapatan aspek kemahiran lisan ini turut menampakkan beberapa aspek kemahiran lisan yang jarang ditekankan secara terus semasa sesi pengajaran mahupun pentaksiran misalnya aspek gaya penyampaian dan bahasa badan. Kedua-dua aspek ini tidak ditekankan secara langsung dalam pentaksiran kemahiran lisan sama ada dalam DSKP mahupun PBD yang telah diguna pakai pada masa ini. Namun, aspek ini sering ditekankan dalam elemen pemarkahan bagi kebanyakan pertandingan ko-akademik yang diadakan. Hal ini turut menjelaskan bahawa PBD tidak menekankan penilaian di luar bilik darjah dan hanya memberi fokus pada penilaian di dalam bilik darjah semata-mata. Walhal penguasaan kemahiran lisan murid sememangnya boleh dinilai melalui penglibatan murid dalam aktiviti seperti ko-akademik misalnya pertandingan bercerita, bicara berirama, berpantun dan sebagainya. Dengan kata lain, murid juga boleh dinilai melalui penglibatan dalam aktiviti di luar bilik darjah bagi memastikan

penguasaan kemahiran lisan lebih menyeluruh. Tuntasnya, aspek kemahiran lisan ini amat penting untuk ditekankan dalam pentaksiran kemahiran lisan secara langsung bagi memastikan matlamat untuk melahirkan murid berketerampilan dalam berbahasa terealisasi.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, aspek kemahiran lisan dalam pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik bahasa Melayu di sekolah rendah adalah aspek penting dalam meningkatkan penguasaan dan kecekapan murid dalam kemahiran lisan. Hakikatnya, pentaksiran autentik kemahiran lisan berasaskan pendekatan tematik ini mampu menjadikan pentaksiran kemahiran lisan lebih relevan, realistik dan holistik dalam mengukur penguasaan kemahiran lisan murid khususnya melalui aspek kemahiran lisan yang telah digariskan. Melalui pentaksiran autentik guru dapat melihat secara langsung penguasaan murid dalam aspek kemahiran lisan sekali gus memastikan murid boleh berinteraksi dengan baik. Pentaksiran autentik kemahiran lisan berasaskan pendekatan tematik ini bukan sahaja dapat menilai murid dari semua aspek kemahiran lisan, bahkan dapat menyediakan peluang pembelajaran yang lebih kontekstual dan bermakna bertunjangkan tema tertentu. Murid dapat mengaplikasikan kemahiran yang dikuasai semasa aktiviti autentik dijalankan dalam kehidupan harian sekali gus menjadikan interaksi lisan tersebut lebih berkesan dan bermakna. Bukan itu sahaja, bentuk pentaksiran autentik berasaskan pendekatan tematik yang memberi fokus pada aspek kemahiran lisan ini turut mempelbagaikan amalan pedagogi guru khususnya guru Bahasa Melayu. Oleh itu, pentaksiran autentik kemahiran lisan berasaskan pendekatan tematik harus diterapkan secara meluas dalam pengajaran mahupun pentaksiran bahasa Melayu di sekolah rendah bagi memastikan murid dapat menguasai kecekapan komunikasi lisan yang tinggi, sekaligus mempersiapkan murid untuk berinteraksi dengan berkesan dalam kehidupan seharian dan masa depan.

## RUJUKAN

- Abdul Majid. 2014. *Pembelajaran Tematik Terpadu*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

- Ahmad Burhanuddin. 2021. Improving students' oral communication skills in public speaking through individual presentation task. *Jurnal Ilmiah Lingua Idea* 2(12): 159-167.
- Ana, T., Mulyadi & Novia, D. 2020. English teacher's perception towards the use of role-play in teaching speaking. *English Empower* 5(2): 62-65.
- Brown, J. 2020. Pengajaran tatabahasa kontekstual dalam pendidikan bahasa. *Journal of Language Education* 15(2): 123-135.
- Chew Fong Peng & Mohd Fikri Ismail. 2020. Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 9(1): 14-25.
- Darayani Johari & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2023. Pelaksanaan penskoran pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi kemahiran mendengar dan bertutur bahasa melayu sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1) : 467-481.
- Elfia Sukma, Ritawati Mahyudin, Rahmatinda & Ari Suriani. 2019. Problems in oral language teaching in primary school. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* 301: 379-383.
- Faezah Saliman & Zamri Mahamod. 2023. Amalan guru Bahasa Melayu di sekolah kurang murid dalam melaksanakan dan melaporkan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3(2): 119-129.
- Hariatul Hafidzah Mahmud Khory, Mohd Nazri Abdul Rahman & Muhammad Azhar Zailaini. 2021. Pengurusan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran bahasa Arab berasaskan keperluan pembelajaran murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 8(2): 41-57.
- Johnson, K. 2018. Enhancing fluency and smoothness in language learners. *TESOL Quarterly* 52(1): 87-104.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2010. *Draf Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)*. Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. *Buletin BPK September-Oktober*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. *Naskah Rintis: Panduan Pendekatan Bertema dalam Pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kim, H., Lee, S. & Park, J. 2023. Enhancing the usability of assessment guidelines: a practical approach. *Journal of Educational Assessment and Evaluation* 38(4): 300-315.
- Kon Chon Min. 2014. Kefahaman dan Amalan terhadap Pendekatan Tematik daripada Perspektif Guru Kemahiran Hidup Bersepadu di Negeri Perak. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Lee, H., Park, J. & Kim, S. 2020. Cultural contexts in language etiquette training. *Journal of Intercultural Communication* 48: 215-230.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Noraziman Zakaria & Suhaila Muner. 2021. Tahap kesediaan guru sekolah rendah di Daerah Klang, Selangor dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dari aspek pengetahuan. *International Journal of Modern Education* 3(9): 1-8.
- Mohd. Farik Madun & Musirin Mosin. 2020. Isu Kejurulatihan pidato dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah: satu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5 (11): 141-146.
- Mohd Maziz Al-Hadi Moharam, Saifulazry Mokhtar & Kasoma Thia. 2021. Pendekatan kaedah interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam abad ke-21 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kinabalu. *5th International Conference on Teacher Learning and Development*.
- Narti, Y., Setyosari, P., Degeng, I. N. S. & Dwiyoogo, W. D. 2016. Thematic Learning Implementation in Elementary School. *International Journal of Science and Research* 5(11): 1849-1855.
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar & Norazimah Zakaria. 2021. Kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh murid Cina: teori analisis kontrasitif. *LSP International Journal* 8(1): 35-55.
- Nur Aisyah Husna Rambli & Ahmad Sukari Mohamad. 2020. Amalan pentaksiran autentik dalam kalangan guru pendidikan Islam di beberapa buah sekolah rendah di daerah Kulim. *PAI- Japim* 1-8.
- Nurul Huda Mohd Faudzi & Anuar Ahmad. 2022. Kesediaan guru sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran. *International Conference on Business Studies and Education*, hlm. 3-14.
- Rozana Jaafar. 2020. Strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis dalam kalangan pelajar etnik Cina dan India ketika belajar bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 64-76.
- Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman & Nurazan Mohmad Rouyan. 2021. Kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 59-69.
- Sonia, B. & Abdelkader Lotfi, B. 2016. The importance of prosody in a proper English pronunciation for EFL learners. *Arab World English Journal (AWEJ)* 2: 316-327.
- Tan Jia Yuh & Husaina Banu Kenayathulla. 2020. Pentaksiran bilik darjah dan prestasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 3:70-90.
- Thompson, A. 2018. Improving pronunciation through daily conversation practices. *Journal of Applied Linguistics* 22(3): 215-230.
- Tofan Gustyawan. 2019. Bermain peran (role-play) dalam pemelajaran keterampilan berbicara bagi pelajar bipa tingkat pemula. *Art and Design Journal* 2(2): 65-68.
- Trianto. 2011. *Desain Pengembangan Pembelajaran Tematik*. Jakarta: Kencana.

Norliza Ramlan (pengarang koresponden)  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: norlizaramlan92@gmail.com

Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: munaruzanna@ukm.edu.my

Zamri Mahamod  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: d-zam@ukm.edu.my

Wang J, Rahayu Abdullah & Leong L-M. 2022. Studies of teaching and learning english-speaking skills: a review and bibliometric analysis. In Kokol, P (ed.). *Frontiers in Education*. Frontiers Media SA.

Zaharah Mohamad, Nor Azizah Atan & Norasyikin Yaacob. 2021. Amalan pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN* 38: 62-71.